



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 6/1997
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAFSIRAN DAN KUASA MEMBENARKAN KELUAR NEGERI UNTUK:

- A) DIHANTAR BERTUGAS ATAU MENGHADIRI PERSIDANGAN/ MESYUARAT,**
- B) MENGHADIRI PROGRAM YANG BERUPA LATIHAN JANGKA PENDEK,**
- C) MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN JANGKA PANJANG,**
- D) MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM YANG DITAJA OLEH PIHAK PENGANJUR ATAU BADAN LAINNYA.**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita dengan ini dimaklumkan bahawa Tafsiran dan Kuasa Membenarkan bagi perkara-perkara yang dimaksudkan dalam Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bilangan 4/1976, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/1991 dan 18/1995 adalah seperti berikut:-

A) DIHANTAR BERTUGAS ATAU MENGHADIRI PERSIDANGAN/MESYUARAT

1) Tafsiran

- a) **Dihantar Bertugas** adalah dimaksudkan apabila seseorang pegawai/ kakitangan itu diarahkan melaksanakan tugas-tugas yang telah ditetapkan dalam penentuan pekerjaannya atau kerja-kerja yang diarahkan kepadanya dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negara Brunei Darussalam atau kebenaran Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.
- b) **Menghadiri Persidangan/Mesyuarat** adalah dimaksudkan apabila seseorang pegawai dibenarkan menghadiri sesuatu program yang dianjurkan oleh Pertubuhan-Pertubuhan atau Badan-Badan Serantau atau Antarabangsa yang Negara Brunei Darussalam mempunyai kepentingan. Pegawai-pegawai tersebut diberi mandat untuk membincangkan isu-isu atau agenda-agenda dimana mereka dimestikan untuk mempertahankan, menjaga atau mempromosikan kepentingan Negara, berasaskan kepada "Position Paper" yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Isi kandungan ketetapan dalam "Position Paper" itu tidak boleh diubah-ubah semasa menghadiri persidangan/mesyuarat tanpa kebenaran Yang Berhormat Menteri berkenaan.




Pendirian yang melibatkan dasar Kementerian lain atau memerlukan peruntukan kewangan hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan Kementerian berkenaan sebelum "Position Paper" itu dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk diluluskan dan dibawa ke Persidangan/Mesyuarat.

- c) Penyertaan tersebut adalah atas salah satu sebab-sebab berikut:-
- i) Negara atau Agensi Kerajaan menjadi **Ahli Rasmi** pada pertubuhan/badan atau persidangan/mesyuarat tersebut;
 - ii) Negara atau Agensi Kerajaan membayar **Sumbangan Mandatori Tahunan** (Annual Mandatory Contribution) di persidangan/mesyuarat tersebut;
 - iii) Kerajaan **Mempunyai atau Memegang Saham** dalam sesuatu pelaburan atau "Joint-Ventures";
 - iv) Negara atau Agensi Kerajaan menghadiri persidangan/mesyuarat sebagai **Pemerhati**.
- d) Tempoh bagi menghadiri persidangan/mesyuarat ini pada lazimnya hanya pendek, iaitu dalam masa 1 hari atau tidak melebihi 2 minggu. Persidangan/mesyuarat yang melebihi 2 minggu adalah tertakluk kepada titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau budi bicara Yang Berhormat Menteri berasaskan kepada perenggan A.2 di bawah.

2. Kuasa Membenarkan

- a) i) Bagi Setiausaha-Setiausaha Tetap kuasa membenarkan untuk dihantar bertugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sokongan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dengan sesuatu isu/perkara atau persidangan/ mesyuarat yang akan dihadiri mereka sesudah memperolehi kebenaran Yang Berhormat Menteri sendiri.
- ii) Bagi pegawai-pegawai yang lain, kuasa membenarkan untuk dihantar bertugas atau menghadiri persidangan/ mesyuarat adalah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.
- b) Jumlah perwakilan pegawai-pegawai untuk menghadiri persidangan/ mesyuarat/bertugas adalah tertakluk kepada




peringkat penyertaan aktif Negara/Kementerian/Jabatan dalam sidang serta format sidang tersebut atau tugas yang perlu dikendalikan.

- c) Garis panduan bilangan penyertaan pegawai-pegawai adalah seperti berikut:-
- i) Mesyuarat di peringkat Menteri disertai oleh 4 orang pegawai kanan dan seorang pembantu peribadi.
 - ii) Mesyuarat di peringkat Pegawai Kanan (Setiausaha Tetap) dihadiri oleh tidak lebih dari 4 orang pegawai kanan.
 - iii) Mesyuarat di peringkat ``Working Group'' (Pegawai Kanan) dihadiri oleh tidak lebih dari 2 orang pegawai.

3. Syarat-Syarat Lain

- a) Dalam keadaan di mana penyertaan Negara/Kementerian tidak begitu aktif atau semata-mata sebagai ``courtesy'' sahaja atau di mana tambahan bilangan penyertaan diperlukan maka adalah digalakkan pegawai-pegawai dari Suruhanjaya atau Kedutaan sahaja untuk hadir. Permohonan/ sokongan itu perlu dihadapkan ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum persidangan atau mesyuarat diadakan.
- b) Laporan selepas menjalankan tugas atau menghadiri persidangan/ mesyuarat itu hendaklah dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak lebih dari 1 minggu selepas tamat bertugas atau menghadiri persidangan/ mesyuarat.
- c) Penyertaan pegawai-pegawai dari Kementerian/Jabatan lain mestilah mendapatkan persetujuan awal dari Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian atau Ketua-Ketua Jabatan di mana mereka bertugas.
- d) Peruntukan yang digunakan akan dikenakan kepada Jabatan Perbendaharaan, di bawah tajuk Persidangan. Wang Pendahuluan, jika diberikan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 2 minggu selepas tamat bertugas atau menghadiri persidangan/mesyuarat.
- e) Pemberian Elaun Sarahidup dan lain-lain kemudahan adalah mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 18/1995.



f) i) Penerbangan mestilah melalui cara perjalanan yang terdekat sekali.

ii) Pegawai-pegawai yang bertugas/ menghadiri persidangan/mesyuarat di negara-negara yang mempunyai perbezaan waktu dalam lingkungan ± 6 jam daripada Negara Brunei Darussalam di mana terdapat 'Direct Connecting Flight' hendaklah pergi dan sampai sehari/semalam sebelum tugas/ persidangan/mesyuarat dimulakan. Mereka hendaklah kembali tidak lewat dari sehari selepas tamat bertugas/menghadiri persidangan/mesyuarat.

iii) Bagi destinasi di negara-negara yang mempunyai perbezaan waktu melebihi ± 6 jam daripada Negara Brunei Darussalam dan destinasi yang tidak terdapat 'Direct Connecting Flight' serta memerlukan pertukaran penerbangan, pegawai-pegawai dibolehkan samada sampai 2 hari/malam sebelum tugas/persidangan/mesyuarat dimulakan atau sampai sehari/semalam dan singgah bermalam selama 1 malam dalam perjalanan. Kebenaran untuk singgah bermalam dalam perjalanan kembali hanya diberikan selama 1 malam sahaja.

B) MENGHADIRI PROGRAM YANG BERUPA LATIHAN (PERKEMBANGAN TENAGA MANUSIA) JANGKA PENDEK.


1. Tafsiran

a) Program yang berupa latihan dan perkembangan sumber tenaga manusia (HRD) jangka pendek ini, walaupun menggunakan gelaran-gelaran seperti; Seminar, Forum, Bengkel, Penempatan, Symposium, Latihan/Bekerja Sambil Belajar, Kongres, Konvensyen, Colloquium, Assembly, Latihan yang diberikan oleh pembekal-pembekal alat-alat/jentera atau pihak lain dan sebagainya adalah yang dimaksudkan bagi peningkatan/perkembangan ilmu pengetahuan.

b) Latihan jangka pendek ini adalah dimaksudkan bagi program-program yang tempohnya tidak melebihi 30 hari.


2. Kuasa Membenarkan

Kuasa membenarkan untuk menghadiri latihan jangka pendek ini adalah Yang Berhormat Menteri di Kementerian berkenaan melalui sokongan Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian itu.



3. Syarat-Syarat Lain

- a) Tapisan Keselamatan dan Ikatjanji tidak akan diperlukan.
- b) Laporan mengenai program latihan yang diikuti mestilah dihadapkan ke Kementerian berkenaan 2 minggu selepas tarikh tamat mengikuti program berkenaan.
- c) Setiap tahun Kementerian-Kementerian mestilah menghadapkan permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan **tidak lewat daripada 1 Jun.**
- d) Pemberian Elaun Sarahidup dan lain-lain kemudahan adalah mengikut Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 7/1997 dan Bilangan 2/ 1991, kecuali bayaran tempat tinggal yang akan dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan mengikut kategori berikut:-
 - i) Jika program latihan diadakan di sesebuah hotel/institusi yang menyediakan tempat tinggal, pegawai-pegawai hendaklah tinggal di hotel/institusi tersebut.
 - ii) Jika program latihan diadakan di tempat yang tidak menyediakan tempat tinggal, pegawai-pegawai hendaklah tinggal di sebuah hotel yang bertaraf tidak melebihi 3 bintang atau tempat kediaman yang sebanding dengannya.
- e)
 - i) Penerbangan mestilah melalui cara perjalanan yang terdekat sekali.
 - ii) Pegawai-pegawai yang menghadiri program latihan di negara-negara yang mempunyai perbezaan waktu dalam lingkungan ± 6 jam daripada Negara Brunei Darussalam di mana terdapat 'Direct Connecting Flight' hendaklah pergi dan sampai sehari/semalam sebelum program latihan dimulakan. Mereka hendaklah kembali tidak lewat dari sehari selepas tamat menghadiri program latihan.
 - iii) Bagi destinasi di negara-negara yang mempunyai perbezaan waktu melebihi ± 6 jam daripada Negara Brunei Darussalam dan destinasi yang tidak terdapat 'Direct Connecting Flight' serta memerlukan pertukaran penerbangan, pegawai-pegawai dibolehkan samada sampai 2 hari/malam sebelum program latihan dimulakan atau sampai sehari/semalam dan singgah bermalam selama 1 malam dalam perjalanan. Kebenaran untuk singgah bermalam dalam perjalanan kembali hanya diberikan selama 1 malam sahaja.



C) MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN JANGKA PANJANG

1. Tafsiran

Tempoh bagi mengikuti kursus adalah mengambil masa melebihi 30 hari atau satu sesi akademik yang di akhir kursus peserta akan menerima sijil yang diakui atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Kuasa Membenarkan.

a) Semua sokongan untuk menghadiri program latihan ini dihadapkan kepada Jawatankuasa Meneliti dan Menimbang Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

b) Pembahagian kuota ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

3) Syarat-Syarat Lain


Pemberian Elaun Sarahidup dan lain-lain kemudahan adalah mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2/1991.

D) MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM YANG DITAJA OLEH PIHAK PENGANJUR ATAU BADAN LAINNYA

1. Tafsiran

Program-program yang ditaja ialah program-program dimana perkara-perkara berikut dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh pihak penganjur:

- i) Yuran penyertaan program (Course fee);
- ii) Tambang penerbangan pergi/balik dari Negara Brunei Darussalam termasuk tambang perjalanan antarabangsa dan/atau dalam negeri yang ditentukan dalam program;
- iii) Tempat tinggal; dan
- iv) Elaun Sarahidup.




2. Kuasa Membenarkan.

- a) Bagi program-program tajaan yang **tempohnya tidak melebihi 90 hari**, kuasa membenarkan adalah Yang Berhormat Menteri di Kementerian berkenaan melalui sokongan Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian itu.
- b) Bagi program-program tajaan yang **tempohnya melebihi 90 hari**, kuasa membenarkan ialah Jawatankuasa Meneliti dan Mempertimbangkan Latihan Dalam Perkhidmatan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

3. Syarat-Syarat Lain


- a) Pegawai tambahan selain dari yang ditaja tidak akan dibenarkan mengikuti kursus yang sama melainkan isi kandungan program yang akan diperolehi akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.
- b) Tapisan Keselamatan dan Ikatjanji tidak akan diperlukan bagi program yang dibenarkan di bawah **perenggan (D) (2) (a)** tetapi masih diperlukan bagi yang dibenarkan di bawah **perenggan (D) (2) (b)**.
- c) Laporan mengenai program latihan yang diikuti mestilah dihadapkan ke Kementerian berkenaan 2 minggu selepas tarikh tamat mengikuti program berkenaan.
- d) Pembayaran Elaun Sarahidup adalah seperti berikut:-
 - i) Bagi program-program yang tempohnya tidak melebihi 30 hari, kadar elaun jika tidak dibiayai oleh pihak penganjur adalah menurut kadar yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/1997. Jika sekiranya Elaun Sarahidup dibiayai oleh pihak penganjur tetapi jumlahnya berkurangan dari kadar seperti yang ditetapkan dalam surat keliling tersebut, maka perbezaannya sahaja akan diberi;
 - ii) Bagi program-program yang tempohnya melebihi 30 hari, kadar elaun jika tidak dibiayai oleh pihak penganjur adalah menurut kadar yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/1991. Jika sekiranya Elaun Sarahidup dibiayai oleh pihak penganjur tetapi jumlahnya



berkurangan dari kadar seperti yang ditetapkan dalam surat keliling tersebut, maka perbezaanya sahaja akan diberi.

- e) Tiket penerbangan tidak boleh ditingkatkan.
- f) Jika tambang penerbangan pergi/balik dari Negara Brunei Darussalam tidak ditanggung oleh pihak penganjur, kemudahan tambang penerbangan yang diberikan adalah menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/1991 dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) Penerbangan mestilah melalui cara perjalanan yang terdekat sekali;
 - ii) Pegawai-pegawai yang menghadiri program latihan di negara-negara yang mempunyai perbezaan waktu dalam lingkungan ± 6 jam daripada Negara Brunei Darussalam di mana terdapat 'Direct Connecting Flight' hendaklah pergi dan sampai sehari/semalam sebelum program latihan dimulakan. Mereka hendaklah kembali tidak lewat dari sehari selepas tamat menghadiri program latihan; dan
 - iii) Bagi destinasi di negara-negara yang mempunyai perbezaan waktu melebihi ± 6 jam daripada Negara Brunei Darussalam dan destinasi yang tidak terdapat 'Direct Connecting Flight' serta memerlukan pertukaran penerbangan, pegawai-pegawai dibolehkan samada sampai 2 hari/malam sebelum program latihan dimulakan atau sampai sehari/semalam dan singgah bermalam selama 1 malam dalam perjalanan. Kebenaran untuk singgah bermalam dalam perjalanan kembali hanya diberikan selama 1 malam sahaja.
- g) Mengenai dengan tempat tinggal adalah seperti berikut:
 - i) Jika tempat tinggal disediakan oleh pihak penganjur, pegawai-pegawai hendaklah tinggal di tempat berkenaan;
 - ii) Jika Elaun Tempat Tinggal diberi oleh pihak penganjur tetapi kadarnya kurang daripada kadar hotel yang bertaraf 3 bintang atau tempat kediaman yang sebanding dengannya, maka perbezaannya sahaja akan dibayar;
 - iii) Jika program diadakan di tempat yang tidak menyediakan tempat tinggal, pegawai-pegawai hendaklah tinggal di sebuah hotel yang bertaraf

Amir.



tidak melebihi 3 bintang atau tempat kediaman yang sebanding dengannya;

- iv) Jika **program lebih daripada tempoh 90 hari**, Elaun Tempat Tinggal atau perbezaannya yang boleh dibayar ialah menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/1991;
- v) Jika **program kurang daripada tempoh 90 hari**, tempat tinggal disediakan oleh pihak penganjur tetapi pembayarannya tidak ditanggung dan pegawai-pegawai dikehendaki tinggal oleh pihak penganjur di tempat tinggal yang disediakan itu, maka pembayarannya akan ditanggung oleh Kerajaan.
- h) Pemberian lain-lain kemudahan selain daripada yang ditaja adalah mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 2/1991.

Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Januari 1997** dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 19/1995 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

[DATO SERI LAILA JASA
HAJI AHMAD DATO PADUKA MATNOR]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan 1100
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (6)JPM/SK/1997

Tarikh: 20 Zulkaedah 1417
29 Mac 1997